

19/10/2003

## Raja Gigi pecah rekod dunia tarik komuter

Ridzuan Yop; Ismail Mat

KUALA LUMPUR: Anak Malaysia, V Rathakrishnan, 37, yang lebih dikenali sebagai 'Raja Gigi' memecah rekod dunia selepas berjaya menarik enam gerabak komuter seberat 260.8 tan sejauh 4.2 meter menggunakan kekuatan giginya di Stesen Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB), di sini semalam.

Kejayaan itu sekali gus memadamkan rekod yang dicipta oleh rakyat Belgium, Walter Arfeuille, yang menarik gerabak seberat 200.8 tan bagi jarak tiga meter pada lewat 1960-an.

Pencapaian itu disaksikan sendiri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah, serta orang ramai yang berhimpun di stesen itu bagi menyaksikan kehebatan Rathakrishnan.

Turut hadir memberi sokongan termasuk Perenang Maraton Negara, Datuk Abdul Malik Maidin, Pengerusi Tenaga Nasional Berhad (TNB), Datuk Dr Awang Adek Hussin serta Timbalan Pengerusi Eksekutif YZ Alliance Group, Mohd Zamri Mohammad.

Pengarah Urusan Malaysia Book of Records, Datuk Danny Ooi, hadir bagi mengesahkan catatan rekod yang dibuat sebelum sijil disampaikan oleh Dr Mahathir kepada Rathakrishnan.

Acara itu dianjurkan oleh YZ Alliance Group Sdn Bhd, sebuah syarikat Bumiputera yang terbabit dalam pelbagai projek pengurusan dan pembinaan, kejuruteraan dan bioteknologi, manakala KTMB dan TNB menjadi penaja utama.

Rathakrishnan, yang berasal dari Negeri Sembilan dan pernah bekerja sebagai pengawal peribadi, menjalani latihan sejak lebih setahun lalu untuk merealisasikan percubaan itu, hanya mengambil masa kira-kira 10 minit termasuk membuat persediaan bagi menarik bebanan itu.

Terdahulu, orang ramai menunggu dengan penuh debaran sebelum menyaksikan kejayaan percubaan itu kerana Rathakrishnan hanya mempunyai berat 82 kilogram dengan ketinggian 168 cm.

Sebaik Rathakrishnan berjaya melepasi sasaran awal 3.2 meter ia disambut dengan sorakan dan tepukan gemuruh serta laungan "Malaysia Boleh" diiringi muzik tradisional termasuk kompang, gendang tabla dan tarian singa.

Rathakrishnan meneruskan tarikannya hingga mencapai jarak 4.2 meter sebelum berhenti dan jarak tarikan yang dibuatnya disahkan oleh kakitangan Malaysia Book of Records yang membuat pengawasan rapi.

Pada sidang akhbar selepas kejayaan itu, Rathakrishnan berkata, kejayaan itu dicapai kerana keupayaannya memberi sepenuh tumpuan terhadap tarikan yang dilakukan.

Katanya, ia bukan setakat bergantung kepada kekuatan gigi semata-mata tetapi juga keupayaan mengabung tenaga dalaman untuk melakukan sesuatu tarikan yang boleh dianggap mustahil.

"Kejayaan ini bukan dapat diperolehi dengan mudah, sebaliknya saya sudah menjalani latihan berterusan sejak 20 tahun lalu bagi membina kekuatan dalaman termasuk disiplin, motivasi dan latihan intensif.

"Untuk memenuhi matlamat cabaran ini, saya berlatih menarik gerabak KTMB tiga hari seminggu antara jam 3 dan 5 petang. Selain itu, saya juga berlatih dengan menarik kereta naik dan menahan kereta dari bukit. Saya juga mengamalkan yoga, latihan di gimnasium, berjoging 15 hingga 20 kilometer sehari.

"Saya dedikasikan kejayaan ini kepada Dr Mahathir. Kehadirannya meningkatkan kekuatan dan semangat saya untuk berjaya. Apatah lagi Sultan Brunei turut hadir, ia amat mengejutkan saya," katanya.

Rathakrishnan berkata, dia menyedari kekuatan tenaga dalamannya kira-kira 10 tahun lalu apabila berjaya menarik bas seberat 10.8 tan di Stesen Kereta Api Tampin, Negeri Sembilan.

Pada 7 Januari 2001, beliau mencatatkan namanya dalam MBR selepas berjaya menarik gerabak kereta api seberat 37.35 tan menggunakan gigi sejauh 8.37 meter di Stesen Kereta Api Klang.

Pada 5 Februari 2001, dia sekali lagi mencatat rekod apabila berjaya mengangkat bebanan menggunakan gigi apabila mengangkat beban seberat 130 kilogram mencapai ketinggian 12.1 cm dari lantai di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Rathakrishnan berkata, sebagai persediaan percubaan memecah rekod dunia, dia terpaksa melalui diet pemakanan termasuk dua ekor ayam panggang sehari, ikan salmon, susu rendah lemak, buah-buahan serta sayuran yang banyak.

Katanya, sasarannya selepas ini adalah untuk memecahkan sekurang-kurangnya lima lagi rekod dunia yang membabitkan beban dan kekuatan gigi yang akan diumumkan tidak lama lagi.

Sementara itu, Ooi berkata, pihaknya akan menghantar butiran kejayaan itu seperti gambar dan pita video kepada Guinness Book of World Record (GWR) bagi mendapatkan pengesahan kejayaan itu yang dijangka diperolehi dalam tempoh sebulan.